


KERJA BERPASUKAN. PRIHATIN. PENYAYANG. PROFESIONALISME



**5TH
EDITION**

E-BULETIN PROGRAM PRA PENDIDIKAN TINGGI

eISSN 2773-6008



9 772 773 600 008

E-BULETIN PPT EDISI KE-5 KALI INI MEMBAWAKAN SOROTAN PERISTIWA, PENCAPAIAN, PROGRAM, KARYA KREATIF DAN SEGALA INFO TERBAHARU DARIPADA PIHAK PPT.

ISI KANDUNGAN

SIDANG EDITOR	01
KATA ALUAN PENGARAH	02
AKADEMIK	03
PROMOSI	13
PENYELIDIKAN & INOVASI	25
PERISTIWA	28
ALUMNI	31
KARYA KREATIF	36

SIDANG EDITOR

PENASIHAT

PM Ts. Dr. Aini Jaapar

KETUA EDITOR

Ts. Chm. Dr. Wan Zuraida Wan Mohd Zain

AKADEMIK

Dr Ani Dewi Mazlina Dewi Mohamed

Ts. Syed Harun Said Mohd

ALUMNI & PROMOSI

Dr. Leylawati Joremi

Mohamad Azizi Abdul Hazis

REKA LETAK

Norazlin Rosli

TEKNIKAL

Mohammad Khairi Yusoff

Hazira Ahmad

Suzaini Selaiman@Saliman

PENYUMBANG ARTIKEL

Dr Leylawati Joremi

Dr Nursaadatun Nisak Ahmad

Falex J. Langkan

Hirwan Maswan bin Ibrahim

Jamri Awang besar

Mohamad Azizi Abdul Hazis

Mahasin binti Saja@Mearajit

Masyfu'ah binti Mokhtar

Rudza Hanim Mohamed Anuar

Roha Mohamed Noah

Siti Zarikh Sofiah Abu Bakar

Siti Noor Ain binti Azis

Suhaiza Bt Hasan

Ts. Chm. Dr. Wan Zuraida Wan Mohd Zain

Ts Siti Nafisah Md Rashid

Zahid Lakton

KATA ALUAN PENGARAH



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurniaNya, penerbitan majalah e-Buletin dapat diteruskan terbitan bagi edisi Jilid-5 untuk tahun 2022. e-Buletin PPT kini telah dipecahkan kepada enam segmen iaitu Akademik, Promosi, Alumni, Penyelidikan dan Inovasi, Peristiwa dan bengkel serta Karya Kreatif. Setiap segmen telah diwarnakan dengan aktiviti-aktiviti yang sangat interaktif dalam memantapkan Pendidikan anak-anak bumiputera. Syabas kepada semua koordinator dan pihak pengurusan PPT.

Pra Pengajian Tinggi adalah program yang mengambil pelajar – pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang memperolehi keputusan SPM yang kurang menepati syarat-syarat keperluan UPU. Program PPT adalah terbuka kepada golongan B40 dan juga bukan B40 agar kesemua mereka dapat meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Kini Pra Pengajian Tinggi telah membuka lagi peluang kepada pelajar dengan menjadikan lima program untuk sedia ditawarkan kepada pelajar. Lima program tersebut adalah Perdagangan, Sains, Agroteknologi, Sains (Aliran STEM C & Sastera) serta Pengajian Islam

Pada awal tahun 2022, negara telah mula ke arah fasa pandemik ke endemik. Dalam memantapkan usaha murni untuk membantu pelajar untuk mendapatkan pendidikan yang terbaik pelbagai kaedah telah dijalankan oleh pihak PPT samada secara atas talian dan fizikal. Pada 1 April 2022, Malaysia memasuki fasa peralihan ke endemik. Hal ini dapat dicapai susulan kejayaan program vaksinasi COVID-19 dan sistem perkhidmatan kesihatan yang berada pada tahap yang terkawal. Memasuki fasa ini, pihak PPT lebih berpeluang mendekati pelajar secara fizikal dengan taklimat promosi dan motivasi kepada pelajar bumiputera dan bukan bumiputera. Pihak PPT sentiasa memastikan setiap operasi aktiviti yang dijalankan adalah mengikut Protokol dan arahan pencegahan dan kawalan prosedur operasi standard (SOP) yang dikuatkuasakan. PPT di seluruh Malaysia juga telah menjalankan 60 aktiviti promosi ke sekolah-sekolah, agensi berkanun dan kerajaan bermula Januari sehingga Mei 2022

Melihat sorotan aktiviti yang telah dijalankan kepada pelajar-pelajar PPT antaranya, bengkel motivasi, inovasi dan penyelidikan, jamuan iftar, sumbangan komputer, sesi taklimat penerapan dan motivasi bersama Pengarah PPT menunjukkan warga PPT telah memberikan sumbangan yang terbaik kepada pelajar-pelajarnya. Semoga program yang dilaksanakan oleh PPT terus mendapat tempat di hati calon-calon lepas SPM bagi meneruskan pengajian di Universiti Teknologi MARA bagi peringkat Pra Diploma, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda.

Saya percaya dengan kerjasama daripada semua pihak menjadikan kita lebih bersyukur, matang dan lebih pengetahuan dalam kapasiti kita sebagai warga pendidik dan pentadbir di UiTM.

Prof Madya Ts Dr Aini Jaapar
Pengarah PPT

AKADEMIK

6 PELAJAR B40 PRA PENDIDIKAN TINGGI (PPT) UiTM CAWANGAN PULAU PINANG MENDAPAT SUMBANGAN KOMPUTER RIBA BARU

Suhaiza Hasan
suhaiza@uitm.edu.my

24 Februari 2022 – Majlis serahan sumbangan komputer riba kepada pelajar UiTM B40 anjuran Jabatan Infostruktur, PPII, UiTM telah berlangsung dengan lancar dan jayanya di Dewan Annexe, UiTM Shah Alam. Seramai 67 pelajar dari keluarga B40 telah dikenalpasti untuk menerima sumbangan yang cukup bermakna ini. Majlis ini juga telah disiarkan secara langsung di Youtube UiTM Channel dan dirasmikan oleh YBhg. Prof. Ts. Dr. Hj. Roziah Mohd Janor, Naib Canselor UiTM secara maya. Seramai tiga orang pelajar PPT UiTM Cawangan Pulau Pinang turut menerima sumbangan komputer riba di majlis ini. Mereka yang bertuah adalah Mazliana Osong, Muhammad Aizat idham Azman dan Naufal Hakimi Mokhtar yang mana mereka bertiga adalah daripada Program Pra Perdagangan. Selain itu, seramai tiga orang pelajar PPT UiTM Cawangan Pulau Pinang juga telah menerima lebih awal sumbangan komputer riba ini. Mereka adalah Nur Ain Syakirah Haidir dan Nur Fatin Diyana Roslan daripada program Pra Perdagangan.

Saudari Nurartika Kharizman pula menjadi pelajar Pra Diploma Sains tunggal yang diberikan bantuan komputer riba.

Inisiatif pemberian sumbangan komputer riba ini sangat membantu para pelajar khususnya kepada pelajar yang tidak berkemampuan. Hal ini semua bagi memenuhi keperluan *Open Distance Learning* (ODL) yang sedang berlangsung sekarang dan keperluan pembelajaran yang lain. Pembelajaran secara dalam talian menerusi aplikasi *google meet*, *zoom* atau *Microsoft teams* ternyata memberi cabaran yang tersendiri buat pelajar kini.



Menurut salah seorang pelajar PPT UiTM Cawangan Pulau Pinang yang menerima sumbangan komputer riba ini, Saudari Mazliana Osong berkata “Saya sangat bersyukur atas sumbangan komputer riba daripada pihak UiTM kepada pelajar yang tidak berkemampuan seperti saya. Bantuan ini sangat bermakna kerana kemudahan komputer riba ini sangat-sangat membantu saya terutama dalam menyiapkan tugas dalam sesi pembelajaran secara *Open Distance Learning* (ODL) di peringkat pra diploma sekarang dan diploma nanti. Terima kasih UiTM yang sentiasa peka dan membantu pelajar”.

Sekalung penghargaan kepada YBhg. Prof. Dato’ Ir. Ts. Dr. Mohd Fozi Ali, Timbalan Naib Canselor Pembangunan UiTM dan warga Jabatan Infostruktur, PPII atas inisiatif yang sangat bermakna ini. Juga jutaan terima kasih kepada penyumbang-penyumbang yang telah membantu merealisasikan inisiatif ini. Ganjaran pahala kebaikan menanti mereka-mereka yang mendema dan memberikan bantuan.

Sebagaimana Firman Allah SWT yang bermaksud “Dan bandingan orang-orang yang membelanjakan hartanya kerana mencari keridaan ALLAH dan kerana meneguhkan (iman dan perasaan ikhlas) yang timbul dari jiwa mereka, adalah seperti sebuah kebun di tempat tinggi yang ditimpa hujan lebat, lalu mengeluarkan hasilnya dua kali ganda. Kalau ia tidak ditimpa hujan lebat maka hujan renyai-renyai pun (cukup untuk menyiraminya). Dan ingatlah Allah SWT sentiasa melihat akan apa yang kamu lakukan.” (Surah Al-Baqarah, ayat 265). Semoga dengan pemberian sumbangan ini, dapat meringankan beban para pelajar dan memudahkan pelajar dalam meneruskan sesi pengajian secara ODL di UiTM.



AKADEMIK


AMANAT PENGARAH PROGRAM PRA PENDIDIKAN TINGGI (PPT) DI UITM CAWANGAN SEGAMAT, JOHOR

Siti Zarikh Sofiah Abu Bakar
sitiz148@uitm.edu.my



Sesi soal jawab bersama Pengarah PPT

13 April 2022 – Amanat Pengarah PPT YBhg. PM Ts Dr Aini Jaapar bagi semester Mac 2022 berlangsung secara bersemuka di UiTM Segamat, Johor. Majlis ini dihadiri oleh Puan Siti Zarikh Sofiah Abu Bakar selaku koordinator PPT UiTM Cawangan Johor bersama 29 pelajar program Pra Diploma di sana.



AKADEMIK

AMANAT PENGARAH PROGRAM PRA PENDIDIKAN TINGGI (PPT) DI UITM CAWANGAN PULAU PINANG

Suhaiza Hasan
suhaiza@uitm.edu.my



Amanat Pengarah PPT telah berlangsung secara bersemuka di Bilik Perdana 1, UiTM Cawangan Pulau Pinang. Ia melibatkan semua pelajar pra diploma UiTM Cawangan Pulau Pinang dan UiTM Cawangan Kedah pada 15 April 2022 (Jumaat) jam 3 petang. Antara tujuan pertemuan ini diadakan adalah untuk menyampaikan amanat dan nasihat kepada para pelajar PPT bagi meningkatkan kefahaman dan rasa tanggungjawab terhadap peri penting aspek pendidikan demi masa hadapan. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memberi ruang dan peluang kepada para pelajar PPT berinteraksi dan berkomunikasi secara dekat dengan Pengarah PPT. Hal ini menjadikan ia satu platform istimewa bagi Pengarah PPT untuk menjawab segala pertanyaan daripada para pelajar.

Menariknya, aturcara program ini diuruskan oleh para pelajar dengan dipengerusikan oleh saudara Afiq Mustaqim Bin Asmazul Iskandar dan saudari Puteri Zahira Binti Zul Azeman. Majlis dimulakan dengan bacaan doa juga dipimpin oleh pelajar saudara Muhammad Farhan Bin Faizal. Hampir 3 jam Yang Berbahagia Prof Madya Ts. Dr. Aini Jaapar merangkap Pengarah PPT, meluangkan masa bersama para pelajar dengan sesi penyampaian amanat beliau. Banyak nasihat serta kata-kata semangat telah dikongsikan.

Menurut salah seorang pelajar, Nur Delailah Binti Mohamad Yunus “Setelah tamat sesi amanat Pengarah PPT saya rasa lebih bersemangat dan lebih jelas dengan hala tuju kenapa saya memilih untuk menyambung pengajian di UiTM ini. Saya akan berusaha sedaya upaya saya untuk membuktikan bahawa kegagalan mendapat keputusan cemerlang semasa mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun lepas bukanlah gagal selamanya. Saya akan buat yang terbaik untuk menyambung pengajian ke penerapan diploma UiTM”.

Turut hadir dalam pertemuan ini adalah Puan Suhaiza Hasan merangkap Koordinator PPT UiTM Cawangan Pulau Pinang, Pn Nurdiana Hassan merangkap Koordinator PPT UiTM Cawangan Kedah dan Encik Wan Mohd Yaseer Mohd Abdoh merangkap Koordinator UiTM Cawangan Perlis. Selain itu Dr Ani Mazlina Dewi Mohamed selaku Ketua Unit Akademik PPT dan Dr. Leylawati Joremi selaku Felo Promosi dan Alumni PPT juga Bersama memeriahkan pertemuan pada petang ini.

Pertemuan amanat Pengarah PPT ini telah berjalan dengan lancar dan tamat pada jam 5.45 petang. Semoga semua pelajar dapat memanfaatkan segala nasihat yang telah diberikan untuk terus melonjak potensi diri mencapai kecemerlangan.

AKADEMIK

SESI DIALOG RAMAH MESRA PENGARAH PROGRAM PRA PENDIDIKAN TINGGI (PPT) BERSAMA PELAJAR-PELAJAR PRA DIPLOMA AGOTEKNOLOGI UITM CAWANGAN SABAH

Falex J. Langkan.
falex944@uitm.edu.my

Kota Kinabalu, 24 Mei 2022 – Kehadiran Yang Berbahagia Pengarah Program Pra Pendidikan Tinggi (PPT)UiTM, Prof. Madya Ts. Dr. Aini Jaapar ke UiTM Cawangan Sabah Kampus Kota Kinabalu telah mencerikan seramai 17 orang pelajar Pra Diploma Agroteknologi (AT001/002). Kedatangan Yang berbahagia Pengarah dialu-alukan oleh Ketua Pusat Pengajian (KPP) Fakulti Perladangan & Agroteknologi (FPA) UiTM Cawangan Sabah, Ts. Dr. Viduriati Sumin dan Penyelaras Program Pra Diploma Agroteknologi UiTM Cawangan Sabah En. Falex J. Langkan.



Sesi dialog dan ramah mesra yang bermula pada pukul 9.00 pagi itu dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh pelajar AT001, saudara Muhammad Zaid seterusnya kata-kata aluan yang disampaikan oleh KPP FPA UiTM Cawangan Sabah, Ts. Dr. Viduriati Sumin. Dalam sesi dialog ini, yang Berbahagia Pengarah bersuai kenal dengan kesemua pelajar Pra Diploma Agroteknologi UiTM Cawangan Sabah dengan berkongsi nasihat dan motivasi yang memberi satu semangat baharu kepada para pelajar untuk berjuang menjadi orang yang berjaya bukan sahaja dalam program PPT ini malah dalam kehidupan di masa hadapan.

Melalui slot ini juga, para pelajar berpeluang untuk bertanya mengenai cabaran yang dihadapi dalam pengajian mereka. Yang Berbahagia Pengarah PPT meluangkan masa mendekati pelajar dengan berbincang dan berkongsi bagaimana cara menghadapi dan menyelesaikan masalah dan cabaran tersebut.

Selama hampir 3 jam bersama, para pelajar sangat teruja dan gembira atas kehadiran Yang Berbahagia Pengarah Program PPT dan sempat menjamu makan tengah hari bersama-sama sebelum program tamat sekitar pukul 11.30 pagi.

AKADEMIK

LIMA EPISOD PEMANTAPAN AKADEMIK DAN SAHSIAH PELAJAR PPT UITMCJ SITI ZARIKH SOFIAH BINTI ABU BAKARI¹, WAN NORADILA WAN MOHD ZAIN²

Siti Zarikh Sofiah Abu Bakar:
(sitiz148@uitm.edu.my)

UiTM Cawangan Johor (UiTM CJ) Kampus Segamat menyambut baik kehadiran pelajar-pelajar Pra Pendidikan Tinggi (PPT) bagi sesi Mac - Ogos 2022 dalam usaha memperkasakan pendidikan dan pembentukan sahsiah. Hal ini dibuktikan dengan penganjuran Program Pemantapan Akademik dan Sahsia Pelajar PPT UiTM CJ. Cetusan idea dari Unit Kerjaya & Kaunseling UiTM CJ dengan kerjasama Koordinator Pra Pendidikan Tinggi UiTM CJ ini juga disambut baik oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik UiTM CJ.

Sebanyak lima episod menarik telah dirancang bermula April sehingga Jun 2022 melibatkan 29 pelajar dan 5 penceramah bagi mendukung objektif program ini antaranya;

1. Memberi kesedaran kepada pelajar akan pentingnya mereka mengenali diri sendiri agar dapat membentuk tabiat serta sikap positif diri.

1

2. Mendapat maklumat yang lebih jelas mengenai diri mereka melalui pendekatan yang bersesuaian (Maklumat diperolehi akan dapat digunakan untuk mengatur langkah penambahbaikan diri)

2

3. Meningkatkan kesedaran diri dan pembentukan sahsiah yang lebih baik.

3

4. Meningkatkan pemahaman mengenai teknik belajar berkesan, pengurusan tekanan dan penjagaan kesihatan mental yang sihat.

4



EPISOD 1



Transisi ke Universiti: Serlahkan Potensi dan Matlamat Diri telah dijalankan pada tanggal 7 April 2022 menampilkan Cik Wan Noradila binti Wan Mohd Zain (Pegawai Psikologi Kanan), UiTM CJ dibantu oleh Cik Wan Nurul Aisyah binti Wan Mohd Yen dan Cik Nur Afiqah Farisyah binti Abd Halim (Kaunselor Pelatih UMT).

AKADEMIK

LIMA EPISOD PEMANTAPAN AKADEMIK DAN SAHSIAH PELAJAR PPT UITMCJ SITI ZARIKH SOFIAH BINTI ABU BAKARI¹, WAN NORADILA WAN MOHD ZAIN²

Siti Zariikh Sofiah Abu Bakar:
(sitiz148@uitm.edu.my)



Episod 2: Kenali Diri, Kendali Stress ke Arah Pengukuhan Akademik Cemerlang telah selesai dilaksanakan pada 21 April 2022. Beberapa aktiviti menarik telah dimuatkan untuk santapan para pelajar antaranya;

Saringan tahap tekanan individu

Latihan dalam kumpulan

Pengurusan tekanan

Tips menghadapi tekanan

EPISOD 2



Episod kedua ini sekali lagi mendapat sentuhan dari Cik Wan Noradila binti Wan Mohd Zain (Pegawai Psikologi Kanan), UiTMCJ dibantu oleh Cik Wan Nurul Aisyah binti Wan Mohd Yen dan Cik Nur Afiqah Farisya binti Abd Halim (Kaunselor Pelatih UMT).

AKADEMIK

LIMA EPISOD PEMANTAPAN AKADEMIK DAN SAHSIAH PELAJAR PPT UITMCJ SITI ZARIKH SOFIAH BINTI ABU BAKARI¹, WAN NORADILA WAN MOHD ZAIN²

Siti Zarikh Sofiah Abu Bakar:
(sitiz148@uitm.edu.my)



Episod 3: Penjagaan Diri dan Kesihatan Mental ke Arah Peningkatan Pencapaian Akademik berjaya dianjurkan pada 12 Mei 2022. Di bawah kelolaan Cik Wan Noradila binti Wan Mohd Zain (Pegawai Psikologi Kanan), UiTMCJ dibantu oleh Cik Wan Nurul Aisyah binti Wan Mohd Yen dan Cik Nur Afiqah Farisyah binti Abd Halim (Kaunselor Pelatih UMT), para pelajar dihidangkan dengan empat slot LDK iaitu LDK 1: Anda OK?, LDK 2: Yang Mana Satu, LDK 3: Tarik, Hembus... dan LDK 4: Self-Care as First Aid. Episod ketiga juga memberi peluang kepada pelajar melakukan ujian saringan kesihatan mental melalui ujian Depression, Anxiety and Stress Scale (DASS).



EPISOD 3



AKADEMIK

LIMA EPISOD PEMANTAPAN AKADEMIK DAN SAHSIAH PELAJAR PPT UITMCJ
SITI ZARIKH SOFIAH BINTI ABU BAKARI, WAN NORADILA WAN MOHD ZAIN2

Siti Zariikh Sofiah Abu Bakar:
(sitiz148@uitm.edu.my)

EPISOD 4

Episod keempat ini diterajui oleh Puan Siti Zariikh Sofiah binti Abu Bakar (Pensyarah Kanan Bahasa Inggeris merangkap Koordinator Pra Diploma).



Episod 4: English is Fun pada 19 Mei 2022 menampilkan elemen yang sedikit berbeza dengan memfokuskan kepada peningkatan kesedaran tentang kepentingan Bahasa Inggeris di peringkat universiti ke arah pengukuhan akademik cemerlang, dan pendedahan mengenai informasi berguna ke arah meningkatkan keyakinan, kemampuan diri terutama dalam penggunaan serta penguasaan Bahasa Inggeris dalam kehidupan seharian.



EPISOD 5

Episod 5: Kenali Minat dan Halatuju Kerjaya Selepas Graduasi bakal dijalankan pada 9 Jun 2022. Episod terakhir ini bakal memberikan gambaran yang lebih jelas kepada para pelajar tentang minat dan halatuju mereka sebagai persediaan sebelum menamatkan pengajian. Pegawai Psikologi Kanan, Puan Rajwani Ismail dibantu oleh Cik Wan Nurul Aisyah binti Wan Mohd Yen dan Cik Nur Afiqah Farisya binti Abd Halim (Kaunselor Pelatih UMT) bakal membantu para pelajar dalam mengenalpasti minat dan halatuju mereka.



AKADEMIK

Mohd Azizi Abdul Hazis:
(azizi6597@uitm.edu.my)

STATISTIK PELAJAR YANG BERDAFTAR DI SETIAP KAMPUS DAN KURSUS PADA MAC 2022



STATISTIK PELAJAR YANG BERDAFTAR DI SETIAP KAMPUS DAN KURSUS PADA OKTOBER 2021




AKADEMIK

Wan Zuraida Wan Mohd Zain:
(wanzuraida@uitm.edu.my)

RINGKASAN STATISTIK PELAJAR PRA DIPLOMA KESELURUHAN

ANALISIS PERGERAKAN PELAJAR DARI PRA DIPLOMA KE DIPLOMA,
IJAZAH SARJANA MUDA, SARJANA DAN PHD DARI TAHUN 2010-2021



SUMBER DATA : BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK, UTM (MAC 2021)

PROMOSI

3 SIRI JELAJAH UNIT PRA PENDIDIKAN TINGGI UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN SEMENA PROMOSI PROGRAM PRA DIPLOMA UiTM

Ts. Siti Nafisah Md Rashid
nafisah@uitm.edu.my



Sesi perkongsian yang pertama telah diadakan pada 23 Februari 2022 bersama dengan 20 orang guru kaunselor sekolah menengah dalam daerah Jempol & Jelebu. Sementara itu, pada sesi yang kedua pula, ia melibatkan penyertaan oleh 15 orang guru kaunselor dalam daerah Kuala Pilah. Kedua-dua sesi ini telah dijalankan sepenuhnya secara atas talian menggunakan pelantar Google Meet. Manakala pada siri yang ketiga, sesi taklimat diadakan secara bersemuka di Port Dickson Golf & Country Club bersama dengan 40 orang guru kaunselor dalam daerah Port Dickson. Ketiga-tiga sesi taklimat ini telah disampaikan sendiri oleh Ts. Siti Nafisah Md Rashid, selaku Koordinator PPT UiTM Cawangan Negeri Sembilan.

Unit Pra Pendidikan Tinggi (PPT) UiTM Cawangan Negeri Sembilan dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) telah mengadakan tiga sesi perkongsian bersama dengan para kaunselor sekolah menengah melibatkan tiga buah daerah iaitu daerah Jempol & Jelebu, Kuala Pilah dan Port Dickson. Sesi perkongsian ini bertujuan untuk menyampaikan informasi terkini kepada para kaunselor berkaitan dengan program-program pengajian yang ditawarkan oleh UiTM kepada calon-calon lepasan SPM, khususnya di peringkat pra diploma.



Siri jelajah ini merupakan salah satu inisiatif Unit PPT UiTM Cawangan Negeri Sembilan untuk memberi kefahaman dan penerangan yang jelas kepada para kaunselor, agar maklumat yang tepat dapat dikongsi dengan para pelajar atau alumni, seterusnya menjadikan UiTM sebagai institusi pertama pilihan mereka untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Ini juga selari dengan hasrat UiTM untuk memperkasakan enrolmen pelajar, di mana melalui Amanat Naib Canselor UiTM Tahun 2022, UiTM menasarkkan pengambilan pelajar sebanyak 10% - 20% adalah dari komuniti setempat.



PROMOSI

3 SIRI JELAJAH UNIT PRA PENDIDIKAN TINGGI UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN SEMENA PROMOSI PROGRAM PRA DIPLOMA UITM

Ts. Siti Nafisah Md Rashid
nafisah@uitm.edu.my

Melalui sesi perkongsian ini, para kaunselor telah diperkenalkan dengan lima buah program di peringkat pra diploma yang boleh dimohon sendiri oleh calon, iaitu Pra Diploma Sains, Pra Diploma Perdagangan, Pra Diploma Sains (Aliran STEM C dan Sastera), Pra Diploma Agroteknologi dan Pra Diploma Pengajian Islam. Permohonan ke program-program ini adalah secara atas talian, dan terbuka untuk semua kategori pendapatan keluarga sama ada B40, M40 atau T20. Tempoh pengajian adalah selama 6 bulan (1 semester) hingga 1 tahun (2 semester) bergantung kepada program yang dipilih oleh calon.



Sekalung penghargaan diucapkan kepada Encik Liau Kok Sing (Penolong Pegawai Pendidikan Daerah Jempol & Jelevu), Encik Mohd Zamil bin Md Zin @ Mohd Zain (Penolong Pegawai Pendidikan Daerah Kuala Pilah) dan Encik Bakri Mohd Noor bin Kushairi (Penolong Pegawai Pendidikan Daerah Port Dickson) atas kesudian berkolaborasi dengan Unit PPT UiTM Cawangan Negeri Sembilan dalam merealisasikan usaha kami untuk memberikan yang terbaik buat anak bangsa.

PROMOSI

JEMPUTAN OLEH BAHAGIAN LATIHAN POLIS DIRAJA MALAYSIA

Memperkasa Pemahaman Warga PDRM Tentang Program Pra Diploma Uitm Oleh Pejabat Pra Pendidikan Tinggi (PPPT).



Hubungan PPT dan PDRM telah lama terjalin melalui Koordinator PPT, Universiti Cawangan Selangor (UCS), Dr Nursaadatun Nisak Ahmad bersama Tuan DSP Balachandran a/l Annamalai (PDRM, Bukit Aman). Namun, atas faktor jadual tugas dan kesibukan Ketua Pengarah PDRM dan warganya, PPT masih belum berpeluang untuk berkongsi maklumat berkaitan program Pra Diploma dengan mereka sebelum ini. Meskipun ramai di antara warga PDRM telah mengetahui akan kewujudan PPT dan program Pra Diploma atau dulunya dikenali sebagai Mengubah Destini Anak Bangsa (MDAB), namun ramai di antaranya yang belum sedar akan kelebihan dan keistimewaan PPT dalam menyediakan ruang dan peluang pembelajaran kepada anak-anak Melayu, Sabah, Sarawak dan Orang Asli, selain keistimewaan yang tersedia untuk para atlet sekolah.



Atas usaha gigih pihak UiTM yang tidak pernah mengenal jemu, PPT akhirnya dijemput untuk memberikan taklimat ringkas bersama lebih kurang 21 orang warga PDRM pada hari Jumaat, 22 April 2022, jam 10.00 pagi, bertempat di Bilik Mesyuarat Bahagian Latihan Bukit Aman. Taklimat ringkas Program PPT ini telah diketuai oleh YDH Dato' Nerita binti Yaacob iaitu Timbalan Pengarah Pengurusan Bahagian Latihan. Jemputan yang diterima secara tiba-tiba ini menyebabkan Pengarah PPT tidak dapat hadir kerana telah lebih dahulu dijadualkan untuk program "Amanat Pengarah PPT bersama pelajar-pelajar Pra Diploma". Oleh yang demikian, PPT diketuai oleh Ketua Unit Akademik, Dr Ani Mazlina Dewi Mohamed.

Dalam lebih kurang 20 minit masa yang diperuntukkan kepada PPT, Felo Promosi dan Alumni, Dr Hajah Leylawati Joremi dengan dibantu oleh Ketua Unit Akademik PPT dan Koordinator UCS (lalu atlet) berjaya memberi kefahaman yang telus kepada warga PDRM yang hadir pada hari tersebut. Penerangan melibatkan pengenalan lanjut mengenai kandungan program PPT, keistimewaan yang bakal diperolehi oleh para pelajar yang memasuki program PPT dan peluang melanjutkan pengajian di peringkat yang lebih tinggi.

Pelbagai persoalan, kekaburan dan keraguan berjaya diselesaikan oleh ketiga-tiga wakil PPT dan sesi taklimat dua hala secara santai ini disifatkan berjaya mencapai misi akademik PPT untuk menyebarkan informasi penting dan primer kepada warga PDRM. Kit promosi yang mengandungi maklumat lengkap mengenai program PPT telah dikongsikan bersama warga PDRM dan dipercayai dapat memberi manfaat untuk dikongsi bersama warga PDRM lain yang tidak dapat hadir.

PROMOSI

PROGRAM OUTREACH 2022

Suhaiza Hassan
suhaiza@uitm.edu.my

BATU KURAU- Unit Pra Pendidikan Tinggi (PPT) UiTM Cawangan Pulau Pinang, Misi Akademik dan Unit PPT UiTM Cawangan Perak telah bersama menjayakan program Outreach 2022 yang diadakan di Dewan Astaka Batu Kurau pada 20 Mac 2022. Program ini merupakan anjuran Kementerian Pengajian Tinggi dengan Kerjasama Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) telah berlangsung secara bersemuka bermula jam 8.00 pagi sehingga 2.00 petang. Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan seperti pameran pendidikan tinggi, sesi taklimat UPU online dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT), sesi konsultasi bersama IPT, bual bicara kemasukan ke universiti dan persembahan lagu serta deklamasi puisi.



Unit PPT UiTM Cawangan Pulau Pinang telah diwakili oleh Puan Suhaiza Binti Hasan, Koordinator PPT dan UiTM Cawangan Perak diwakili oleh Dr Wan Faida Wan Mohd Azmi dan Dr Nurul Sahida Mohd Fauzi. Sesi konsultasi dan sesi promosi program PPT di Kawasan Batu Kurau ini amat bermakna kerana kebanyakan pelajar lepasan SPM adalah daripada keluarga kategori B40. Hal ini amat bertepatan dengan program PPT yang mana tujuan utama program PPT adalah untuk mengambil pelajar – pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang memperolehi keputusan SPM yang kurang menepati syarat-syarat keperluan UPU dari golongan B40 dan juga bukan B40 agar kesemua mereka dapat meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Sememangnya mereka mempunyai peluang yang cerah untuk meneruskan pengajian ke peringkat pra diploma UiTM. Calon-calon yang memohon dan memenuhi syarat akan ditawarkan untuk mengisi 6000 kekosongan tempat menjelang tahun 2025 di dalam program Pra Diploma di semua kampus negeri UiTM di seluruh negara.

PROMOSI


Taklimat Program Pra Pendidikan Tinggi (PPT) Uitm Bersama Kaunselor-Kaunselor Sekolah Menengah Daerah Jempol & Jelevu

Ts. Siti Nafisah Md Rashid
nafisah@uitm.edu.my

Satu sesi perkongsian berkenaan dengan halatuju pendidikan selepas SPM telah diadakan bersama dengan 20 orang guru kaunselor sekolah menengah dalam daerah Jempol dan Jelevu, Negeri Sembilan pada 23 Februari 2022 yang lalu. Perkongsian ini telah diadakan menerusi pelantar Google Meet dan disampaikan oleh Ts. Siti Nafisah Md Rashid selaku Koordinator Program PPT UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Menerusi program ini, para kaunselor telah diberikan informasi terkini berkaitan dengan peluang pengajian yang ada ditawarkan di UiTM untuk para pelajar lepasan SPM, khususnya ke program Pra Pendidikan Tinggi. Sebanyak 5 program pengajian di peringkat pra diploma ditawarkan bagi kemasukan sesi Mac 2022 seperti program Pra Diploma Sains, Pra Diploma Perdagangan, Pra Diploma Sains (Aliran STEM C dan Sastera), Pra Diploma Agroteknologi, serta satu lagi program baharu iaitu Pra Diploma Pengajian Islam. Kesemua program ini adalah terbuka kepada semua kategori pendapatan keluarga, sama ada golongan B40 mahupun bukan B40.

Selain daripada itu, para kaunselor juga telah dimaklumkan bahawa kaedah permohonan ke program PPT ini bukanlah menerusi sistem UPU. Sebaliknya, calon lepasan SPM yang berminat untuk memohon perlulah mendapatkan nombor pin secara percuma terlebih dahulu daripada mana-mana Unit PPT kampus cawangan, bagi membolehkan mereka mempunyai akses untuk mengisi borang permohonan secara atas talian. Di samping itu, calon-calon juga perlu menyediakan beberapa dokumen sokongan untuk dimajukan kepada Unit PPT kampus cawangan bagi tujuan semakan dan pengesahan permohonan. Tempoh masa pengajian adalah antara 6 bulan sehingga 1 tahun, bergantung kepada program yang dipilih oleh pelajar.

Melalui program sebegini, diharapkan para kaunselor dapat menyebarkan informasi kepada para pelajar di sekolah mereka, di samping menggalakkan lebih ramai pelajar di sekitar kawasan Negeri Sembilan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dengan menjadikan UiTM sebagai institusi pilihan pertama mereka.



PROMOSI

Halatuju Pendidikan Selepas Sijil Pelajaran Malaysia dari PPT UiTM Shah Alam bersama warga SMK Pujut, Miri Sarawak



Nama Program : Halatuju Pendidikan Selepas Sijil Pelajaran Malaysia dari PPT UiTM Shah Alam bersama warga SMK Pujut, Miri Sarawak

Anjuran : PPT dengan kerjasama SMK Pujut

Tarikh : 14 Jun 2022

Lokasi : SMK Pujut Miri Sarawak

Penglibatan (Universiti/Sekolah/Agensi Kerajaan): sekolah

Bilangan Peserta: 150 murid

PPT Keudara Bersama Radio Perlis FM



27 Mac 2022, KANGAR PPT diberi peluang keudara di corong radio Perlis FM bagi hebahan Program Pra Diploma yang disampaikan oleh Dr Leylawati Joremi (Felo Promosi & Alumni)

PROMOSI

Halatuju Pendidikan Selepas Sijil Pelajaran Malaysia dari PPT UiTM Shah Alam
bersama warga Kor Rejimen Askar Jurutera



Nama Program : Halatuju Pendidikan Selepas Sijil Pelajaran Malaysia dari PPT UiTM Shah Alam bersama warga Kor Rejimen Askar Jurutera
Anjuran : PPT dengan kerjasama Kem Kentomen
Tarikh : 08 Jun 2022
Lokasi : Kem Kentomen Jln Ipoh, KL
Penglibatan (Universiti/Sekolah/Agensi Kerajaan):
Agensi Kerajaan
Bilangan Peserta: 55
Disediakan Oleh (Koordinator PPT) : Dr Hjh Leylawati Joremi



PROMOSI

PPT Bersama GEAR UP UiTM CPP

UiTM CPP Terima kasih kepada ICAN PJIMA UiTM CPP yg menjemput unit PPT dalam program GEAR UP (Get Ready For University Programme) 2022 bersama lebaran SPM dari beberapa sekolah. Seramai 60 orang peserta lebaran SPM tahun 2021 dari pelbagai sekolah dan MRSM di sekitar Pulau Pinang dan Kedah telah berkampung selama 3 hari 2 malam bermula 31 Mei 2022 hingga 2 Jun 2022 bagi menyertai Program Gear Up! di UiTM Permatang Pauh, Pulau Pinang.



Dimaklumkan, program ini adalah kerjasama empat penjujur antara BPP, BPM, MARA Negeri Pulau Pinang dan UiTM. Taklimat kemasukan ke Program Pra Pendidikan Tinggi (PPT) / Pra Diploma UiTM disampaikan oleh Pn Suhaiza Hasan, Koordinator PPT UiTM CPP & diakhiri dengan 4 soalan kuiz kepada para pelajar.

Program Halatuju Selepas SPM Di SMK Taman Klang Utama, 27 Mei 2022, 10.30-12.15pm



PROMOSI

SESI PERBINCANGAN DAN PENERANGAN PROGRAM PPT BERSAMA PEGAWAI PENDIDIKAN DAERAH KEMAMAN

En Jamri Awang Besar
jamri921@uitm.edu.my

Satu sesi perbincangan dan penerangan program Pra Pendidikan Tinggi (PPT) antara Koordinator Program PPT UiTM Cawangan Terengganu, En Jamri Awang Besar bersama Pegawai Pendidikan Daerah Kemaman, Tn Hj. Idris Bidin telah diadakan pada 9 Jun 2022 (Khamis) bertempat di PPD Kemaman.

Perbincangan dan perjumpaan telah mewujudkan hubungan yang lebih baik antara pihak UiTM Terengganu dan PPD Kemaman. PPD Kemaman juga telah bersetuju agar satu sesi penerangan lebih terperinci program program yang ditawarkan di UiTM terutamanya program dibawah PPT. Sehubungan itu, satu sesi penerangan UiTM Cawangan Terengganu bersama semua kaunselor SMK daerah Kemaman akan diadakan dalam masa terdekat.



PROMOSI

SESI PERBINCANGAN DAN PENERANGAN PROGRAM PPT BERSAMA PENGETUA & KAUNSELOR SERTA PENGURUSAN BEBERAPA SEKOLAH MENENGAH SEKITAR DUNGUN

En Jamri Awang Besar
jamri921@uitm.edu.my

Satu sesi perbincangan dan penerangan program Pra Pendidikan Tinggi (PPT) antara Koordinator Program PPT bersama Pengetua, Kaunselor dan Pengurusan beberapa buah sekolah menengah disekitar Dungun iaitu SMK Imtiaz, SMK Sura dan SMK Sultan Omar.

Perbincangan pertama (gambar dibawah) adalah bersama pihak pengurusan SMK Imtiaz Dungun telah diadakan pada 24 April 2022 bermula pukul 10.00 – 11.30 pagi.



Perbincangan kedua (gambar dibawah) bersama pihak pengurusan SMK Sura telah diadakan pada 27 April 2022 bermula pukul 9.00 – 10.00 pagi.



Manakala perbincangan ketiga (gambar dibawah) adalah bersama pihak pengurusan SMK Sultan Omar pada 28 April 2022 bermula pukul 8.00 – 9.00 pagi.



Hasil perbincangan telah mewujudkan hubungan dua hala yang lebih baik dalam antara pihak UiTM dan pihak sekolah berkenaan serta mempromosikan program program yang ditawarkan di UiTM terutamanya program dibawah PPT.

PROMOSI

AKTIVITI / TAKLIMAT / PROMOSI PEJABAT PROGRAM PRA PENDIDIKAN TINGGI (PPT) TAHUN 2022

Leylawati Joremi
leylawati@uitm.edu.my

Program Promosi	Jumlah aktiviti yang telah dijalankan	Jumlah keseluruhan (149)
(a) KPT		16
Aspirasi Keluarga Malaysia	5	
Jom Masuk IPT	6	
Outreach	5	
(a) UiTM		6
Ekspo Selangkah ke UiTM	6	
(a) Sekolah		87
Misi Akademik (selepas SPM diumumkan)	37	
Pengetua/Guru kaunselor/ MSN	8	
Pelajar	38	
Orang asli	4	
(a) Awam		20
Agensi awam	13	
Pemimpin masyarakat/komuniti	7	
(a) Media		20
Rerayap di TV1, TV2 & TV3	19	
Radio	1	

PENYELIDIKAN & INOVASI

50 PELAJAR PPT KAMPUS KUALA PILAH BERSAING DALAM VIRTUAL PHYSICS

EXPLORACE 2022

Ts. Siti Nafisah Md Rashid
nafisah@uitm.edu.my

Seramai 50 orang pelajar pra diploma sesi Mac 2022 telah berentap dalam merebut hadiah wang tunai bersempena dengan program Virtual Physics Explorace 2022 yang dianjurkan oleh Jabatan Fizik dan Sains Bahan UiTM Cawangan Negeri Sembilan pada 20 Mei 2022, 23 Mei 2022 dan 26 Mei 2022 yang lalu. Ia melibatkan penyertaan daripada 34 orang pelajar Pra Diploma Sains (PD007/008) dan 16 orang pelajar semester II program Pra Diploma Sains (Aliran STEM C dan Sastera) (AS002/003) kampus Kuala Pilah.



Sebanyak 3 checkpoint perlu dilalui oleh para peserta, di mana para peserta perlu menjawab soalan-soalan yang berkaitan dengan subjek fizik dalam bentuk permainan interaktif. Checkpoint 1 adalah aktiviti Boost Your Brain Power yang boleh diakses menerusi aplikasi Wordwall. Di dalam permainan ini, peserta perlu menjawab sebanyak 25 soalan berkisarkan kepada topik-topik yang dipelajari dalam kursus Physics for Pre Sciene (PHY083) melibatkan Measurement, Kinematics, Dynamics dan Energy. Para peserta akan diberikan markah bonus sekiranya dapat memberikan jawapan yang tepat dalam masa yang pantas. Pada chekcpooint kedua pula, pemain perlu menjawab sebanyak 10 soalan yang disediakan menerusi aplikasi Quizizz, sementara pada checkpoint terakhir, para pemain perlu berada di dalam platform Kahoot! secara serentak, dan menjawab 10 soalan yang disediakan oleh penganjur.

Bagi para peserta yang mengikuti aktiviti Virtual Physics Explorace pada 26 Mei 2022, mereka juga perlu melalui sebanyak 3 checkpoint, di mana setiap checkpoint merangkumi soalan-soalan berkisarkan kepada topik Waves & Optics serta Electricity yang dipelajari dalam kod kursus PHY012 (Physics for Pre Diploma II) yang diambil oleh para pelajar semester 2 program AS002/003. Penentuan pemenang dibuat dengan mengambilkira markah keseluruhan pemain pada setiap checkpoint dan diumumkan sewaktu majlis penutup yang diadakan pada 27 Mei 2022 secara atas talian, menggunakan pelantar Telegram.



PENYELIDIKAN & INOVASI

50 PELAJAR PPT KAMPUS KUALA PILAH BERSAING DALAM VIRTUAL PHYSICS

EXPLORACE 2022

Ts. Siti Nafisah Md Rashid
nafisah@uitm.edu.my



Hadiah yang disediakan oleh pihak penganjur adalah wang tunai sebanyak RM 80 bagi pemenang tempat pertama, RM 60 bagi pemenang tempat kedua dan RM 40 bagi pemenang tempat ketiga. Selain itu, sijil penyertaan juga turut diberikan kepada semua pelajar yang menyertai program ini. Diharapkan dengan penganjuran program ini, ia dapat memberi kefahaman kepada para pelajar dalam subjek fizik, selain membantu mereka dalam membuat persediaan sebelum menduduki ujian yang diadakan pada minggu ke-8 sesi perkuliahan.

SESI 1 & 2 – PHY 083

TEMPAT PERTAMA



INANI NADHIRAH BINTI MOHD NAWI

ALEEYA FARAHAIN BINTI BADRUDDIN

MUHAMMAD ADAM HAZIQ BIN AZMAN



PENYELIDIKAN & INOVASI

PPT NATIONAL VIRTUAL INNOVATION COMPETITION 2022 (PPTNVIC2022)

Suhaiza Hassan
suhaiza@uitm.edu.my

PERMATANG PAUH, 4 Februari 2022 – 5 Kumpulan Inovasi dari Program Pra Pendidikan Tinggi (PPT) UiTM Cawangan Pulau Pinang telah berjaya merangkul 4 pingat emas, 1 pingat perak dan 3 Anugerah Khas (Ruby prize, Pearl prize dan Anugerah Video Terbaik) dalam PPT National Virtual Innovation Competition 2022. (PPTnVIC2022). Sekalung syabas dan tahniah buat mereka yang telah mencipta satu kejutan di awal tahun 2022.

Program anjuran Pejabat PPT UiTM Shah Alam itu baru sahaja mengumumkan keputusan baru-baru ini hasil daripada pertandingan tersebut yang telah berlangsung bermula 3 Januari sehingga 21 Januari 2022. PPTnVIC 2022 adalah satu program pertandingan inovasi buat julung kalinya diadakan secara maya yang melibatkan semua pelajar pra diploma di setiap kampus cawangan dengan setiap kumpulan peserta perlu menyediakan video pembentangan berkaitan inovasi pembelajaran.



Antara objektif penganjuran PPTnVIC ini adalah untuk mencungkil bakat daya kreativiti para peserta dalam menghasilkan inovasi bertemakan pembelajaran serta pembentangan menerusi video e-content. Pertandingan yang bertemakan: Memperkasakan pelajar ke arah inovasi pembelajaran ini dibahagikan kepada 4 kategori penyertaan iaitu Online Teaching & Learning Strategies, STEM Education, Education Gaming dan Virtual Online Laboratories.

Sebanyak 47 pasukan dengan penglibatan seramai 280 pelajar pra diploma dari setiap kampus cawangan telah meyertai edisi sulung ini. Tidak ketinggalan bagi UiTM Cawangan Pulau Pinang yang turut menghantar 5 wakil pasukan inovasi yang terdiri daripada 9 pelajar program pra perdagangan, 6 pelajar pra diploma sains serta 6 fasilitator dengan mencipta satu kejayaan yang luar biasa.

PERISTIWA

PROGRAM MOTIVASI & PENGUKUHAN JATI DIRI PELAJAR PRA DIPLOMA UiTM CAWANGAN TERENGGANU SESI MAC – OGOS 2022

En Jamri Awang Besar
jamri921@uitm.edu.my



Program Motivasi dan Pengukuhan Jati Diri pelajar Pra Diploma UiTM Cawangan Terengganu telah diadakan pada 21 Mei 2022 bertempat di Dewan Jasmin, UiTM Kampus Dungun. Penceramah program adalah En Khairudin Mohd Thani yang merupakan Timbalan Pegawai Psikologi dan Pn Azura Mamat, Pegawai Psikologi Kanan UiTM Cawangan Terengganu. Ucapan aluan telah disampaikan oleh En Jamri Awang Besar yang merupakan Koordinator Program Pra Pendidikan Tinggi UiTM Cawangan Terengganu. Semoga program yang telah dijalankan ini akan memberi kesan yang positif dalam meningkatkan motivasi para pelajar.



PERISTIWA

PROGRAM IFTAR PELAJAR PRA DIPLOMA ANJURAN ACIS DAN HAYRAT RELIEF MALAYSIA

Zahid Lakton
mzahidl@uitm.edu.my

BANDAR JENGA: Iftar ramadhan telah di adakan pada 26 April 2022 di Dewan indera Segara (DIS) UiTM Cawangan Pahang, Kampus Jengka pada jam 5.30 petang sehingga selesai. Program di mulakan dengan kuliah ramadhan yang telah di sampaikan oleh pihak Hayrat Relief Malaysia bersama pihak ACIS UiTM Pahang. Program ini disertai oleh pelajar-pelajar Pra Diploma UiTM Pahang bersama-sama dengan pelajar dari setiap Pusat Pengajian di UiTM Pahang. Hadir sama di dalam program tersebut adalah Rektor UiTM Pahang, wakil Hayrat Relief, Ketua Pusat Pengajian, warga emas Bandar Jengka di bawah kelolaan PAWE (Persatuan Warga Emas Pahang) dan Koordinator PPT UiTM Pahang.

Seramai sepuluh orang daripada 43 orang pelajar Pra Pendidikan Tinggi (PPT) UiTM Pahang, Kampus Jengka telah di pilih untuk menyertai program iftar ini. Program ini dapat memberikan sedikit kelegaan kepada para pelajar ini memandangkan mereka adalah terolong daripada kumpulan B40 dan dengan adanya program yang sebegini ianya dapat mengeratkan lagi ukhuwah sesama pelajar di samping dapat mengurangkan sedikit perbelanjaan pelajar untuk juadah berbuka puasa. Di dalam majlis tersebut, beberapa orang pelajar yang terdiri daripada golongan asnaf juga telah turut serta dan menerima sedikit sumbangan daripada pihak Hayrat Relief Malaysia sebagai tanda kasih sayang daripada pihak Hayrat Relief Malaysia kepada golongan pelajar asnaf yang sedang menuntut ilmu di UiTM Pahang, Kampus Jengka.



PERISTIWA

JAMUAN RAYA PELAJAR PROGRAM PRA PENDIDIKAN TINGGI (PPT) UiTM CAWANGAN PULAU PINANG BERSAMA PENASIHAT AKADEMIK (PA)

Suhaiza Hasan
suhaiza@uitm.edu.my

26 Mei 2022-Bersamaan 24 Syawal 1443 H, 44 pelajar PPT UiTM Cawangan Pulau Pinang bersama meraikan bulan Syawal mulia dengan sedikit jamuan raya bersama Puan Suhaiza Hasan, Penasihat Akademik (PA) pelajar PPT yang juga merupakan Koordinator PPT.

“Bahagia itu sederhana”. Diruang waktu minggu ke lapan pengkuliahan ini bersempena bulan Syawal yang mulia, Alhamdulillah dapat juga para pelajar PPT UiTM Cawangan Pulau Pinang berkumpul meraikan jamuan raya secara santai dan bersederhana. Aktiviti yang dirancang tidak sampai tempoh 24 jam, berjaya dilaksanakan dengan jamuan juadah yang serba sederhana tetapi begitu bermakna dan meriah. Jamuan raya ini telah diadakan di Bilik Kuliah Blok Akademik dengan kehadiran semua pelajar yang lengkap berbaju raya. Kata mereka “Seronok juga datang ke kuliah berbaju raya, rasa lebih bersemangat dan gembira”.

Antara hidangan raya yang disediakan adalah lemang, rendang ayam, nasi himpit, aneka kuih raya, buah-buahan dan kek. Aktiviti jamuan raya ini sedikit sebanyak telah berjaya mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara pelajar dan PA serta meningkatkan kerjasama sesama pelajar. Sikap saling bekerjasama dan bantu membantu telah berjaya menjadikan aktiviti jamuan raya ini terlaksana dengan jayanya.



“Gema takbir memuji Ilahi,
Petanda bermula Aidilfitri,
Pra Diploma permulaan kami,
Satu semester penuh beerti”.

“1 Syawal sudah tiba,
Dirai dengan penuh gembira,
UiTM pencetus Pra Diploma,
Melonjak potensi anak muda”.

“Tangan dihulur maaf dipinta,
Erat hubungan sesama kita,
Dari Pra diploma kami bermula,
Memburu impian untuk berjaya”.

ALUMNI

“REALISASI MIMPI BERMULA DI PPT”

Pra Pendidikan Tinggi-PPT UiTM CPP Cawangan Pulau Pinang.

Suhaiza Hasan
suhaiza@uitm.edu.my

15 April 2022-Jumaat, Pejabat Pengarah program PPT telah menganjurkan satu sesi webinar bersama salah seorang alumni iatu Saudara Nazreen Razak, Penolong Pendaftar Unit Integriti daripada Universiti Malaya menerusi platform Webex. Bertemakan “Realisasi Mimpi Bermula Di PPT”, webinar ini telah berjaya mengumpulkan hampir semua pelajar pra diploma dari seluruh kampus UiTM dan telah berjalan dengan lancarnya bermula jam 10 pagi sehingga 12 tengahari. Sekalung tahniah diucapkan kepada Dr Leylawati Joremi, Felo Promosi & Alumni PPT merangkap moderator webinar atas inisiatif yang amat memberikan inspirasi kepada para pelajar semasa.



Di UiTM Cawangan Pulau Pinang, webinar ini telah diadakan secara hibrid yang mana semua pelajar pra diploma berkumpul secara bersemuka di Smart Class Room dan Bilik Perdana 1 bagi mengikuti program ini. Webinar ini dimulakan dengan ucapan aluan oleh Yang Berbahagia Pengarah PPT, Prof Madya Ts. Dr. Aini Jaapar yang turut hadir secara bersemuka di Smart Class Room, UiTM Cawangan Pulau Pinang dan diikuti dengan sesi perkongsian oleh saudara Nazreen.

Ternyata para pelajar sangat teruja dan bersemangat mendengar sesi perkongsian dan sempat juga mengajukan beberapa soalan kepada tetamu jemputan. Sesi di Smart Class Room turut dihadiri oleh Moderator, Pengarah PPT dan Ketua Unit Akademik PPT, Dr Amalina Dewi Ani dan Pn Suhaiza Hasan selaku Koordinator PPT UiTM Cawangan Pulau Pinang. Banyak yang dikongsikan, semoga memberi aspirasi dan inspirasi kepada pelajar PPT sekalian.



ALUMNI

ALUMNI PPT : PENGACARA MESYUARAT AGUNG DWI-TAHUNAN MAJLIS PERWAKILAN KOMANDER KESATRIA (MPKK) BATALION VI UITM CAWANGAN JOHOR (UITMCJ)

Siti Zarikh Sofiah binti Abu Bakar1,
Siti Zarikh Sofiah Abu Bakar: (sitiz148@uitm.edu.my)

Berkesempatan menghadiri Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan Majlis Perwakilan Komander Kesatria (MPKK) Batalion VI UiTM Cawangan Johor (UiTMCJ) Kampus Segamat pada 22 April 2022 (Jumaat) merupakan satu momen berharga buat Koordinator Pra Pendidikan Tinggi (PPT) UiTMCJ, Puan Siti Zarikh Sofiah binti Abu Bakar tatkala menyaksikan alumni PPT berdiri segak menjadi pengacara majlis tersebut.

Muhammad Asyraf bin Zaini, berumur 20 tahun dan berasal dari Segamat, Johor merupakan alumni PPT UiTMCJ. Beliau kini menyambung pengajian ke peringkat diploma di UiTMCJ dalam bidang Perakaunan dan telah melangkah ke semester kedua pengajian.

Berpengalaman menyertai Persatuan Kadet Bersatu Malaysia sejak di bangku sekolah memupuk minat beliau menyertai latihan dan persediaan untuk menjadi Komander Kesatria UiTM.

Meskipun rata-rata pelajar PPT dilabel sebagai kurang berkeyakinan, Muhammad Asyraf berjaya mencabar diri dan memecahkan tanggapan klise tersebut. Beliau bukan sahaja memulakan langkah dengan mendaftar sebagai bakal Komander Kesatria UiTMCJ, malah tampil berani mengacarakan majlis rasmi seperti ini.

Hal ini membuktikan betapa UiTM khususnya Komander Kesatria UiTMCJ banyak membuka peluang kepada pelajar-pelajarnya tanpa mengira status untuk membangunkan potensi diri dengan syarat pelajar sendiri mahu meningkatkan potensi diri mereka.



ALUMNI

HIKMAH ALUMNI

Leylawati binti Joremi
leylawati@uitm.edu.my

Hikmah Alumni memaparkan kata-kata perangsang yang di harap dapat menjadi pendorong kepada pelajar-pelajar yang sedang mengikuti pengajian Pra Diploma dan juga pelajar-pelajar yang berhasrat untuk menyambung pengajian sebagai langkah awal ke arah kejayaan yang lebih gemilang. InsyaaAllah.



"Puncak Gunung Tidak Mungkin Dapat Dicapai Hanya Dengan Memandangnya Dari Kejauhan. Kejayaan Seseorang Tidak Mungkin Dicapai Jika Tiada Usaha Berterusan"

Nazreen Razak

"Hidup ini tidak selalu berjalan seperti yang kita rancangkan. Sebenarnya belum tiba 'the right time and the right place'. Bukan bermakna penghujung dunia jika kita tidak dapat masuk menara gading bersama-sama rakan sekolah yang lain. PPT adalah program yang boleh merealisasikan cita-cita kita. Percayalah ada hikmah yang Allah tentukan untuk kita lewat sedikit. 'Excel' la dalam pengajian dan jangan lupa untuk 'inject passion' dalam kerjaya; insyaaAllah akan berjaya dalam kehidupan. Ingat! Allah sentiasa bersama-sama hambanya yang ikhlas dalam usahanya".

ir. Habibah Baba



ALUMNI

KENALI ALUMNI PPT

Leylawati binti Joremi
leylawati@uitm.edu.my

Hikmah Alumni memaparkan kata-kata perangsang yang di harap dapat menjadi pendorong kepada pelajar-pelajar yang sedang mengikuti pengajian Pra Diploma dan juga pelajar-pelajar yang berhasrat untuk menyambung pengajian sebagai langkah awal ke arah kejayaan yang lebih gemilang. InsyaAllah.



Boleh anda kongsi serba sedikit tentang diri anda?

Assalamualaikum dan salam sejahtera. Saya Nurul izzatiafifi Ismail, alumni ppt batch 2006 kampus KK Sabah. Selepas Pra diploma Sains, Saya dapat menyambung pengajian ke Diploma Kimia Perindustrian di UiTM Arau dan seterusnya ke peringkat Ijazah sarjana muda Teknologi persekitaran di UiTM Shah Alam. Setelah itu, menyambung pengajian ke peringkat ijazah sarjana Sains Teknologi Persekitaran . Dan kini sedang berusaha menamatkan pengajian diperingkat Ijazah kedoktoran. Saya kini berkhidmat sebagai pensyarah PTFT Kimia FPA di UiTM Jasin Melaka.

Apakah faktor utama yang menyebabkan anda memilih PPT sebagai langkah pertama untuk menyambung pengajian di IPT?

Saya melihat peluang yang lebih cerah untuk saya mendapat kursus diploma yang diidamkan iaitu Kimia Perindustrian apabila saya memohon selepas mengambil program PPT berikutan keputusan SPM yang hanya memperoleh C5 untuk subjek sains semasa SPM.

Apakah perasaan anda sewaktu mula-mula belajar di PPT?

Suasana kampus semasa di UiTM KK Sabah menaikkan semangat saya untuk belajar dengan lebih tekun apabila tersedianya suasana pembelajaran yang kondusif serta melihat contoh2 senior2 yang merupakan alumni PPT yang cemerlang diperingkat Diploma dan Ijazah.

Apakah pencapaian anda yang paling membanggakan sewaktu berada di PPT?

Semasa di PPT saya mewakili UiTM untuk program khidmat masyarakat dengan masyarakat setempat

Apakah ilmu dan skil yang dipelajari semasa berada di PPT yang diguna pakai sehingga kini?

Semasa Pensyarah di PPT sangat membantu dalam memupuk kefahaman dan minat untuk subjek sains dan menjadikan pelajar PPT yang kurang cemerlang d SPM Berjaya menjadi cemerlang diperingkat diploma dan seterusnya. PPT saya mewakili UiTM untuk program khidmat masyarakat dengan masyarakat setempat

ALUMNI

KENALI ALUMNI PPT

Leylawati binti Joremi
leylawati@uitm.edu.my

Bagaimana anda dapat menguruskan jadual kelas sewaktu berada di PPT

Mengikut jadual yang ditetapkan. Belajar dalam kumpulan dan kerap berdiskusi berkaitan subjek. Apabila kurang faham terus berjumpa pensyarah. Jadual kelas semasa PPT tidak terlalu padat. Seimbangkan jadual kelas dan sertai aktiviti yang dianjurkan oleh fakulti dan Kolej untuk menjadikan kita seimbang dari semua sudut.

Bagaimana anda menghadapi sebarang cabaran dan kesukaran sewaktu belajar di PPT?

Dapatkan nasihat dari pensyarah dan sokongan dari kawan sekeliling juga sangat mambantu.

Melalui pengalaman anda, boleh anda kongsi pandangan anda tentang semangat berdaya saing dalam pembelajaran di kalangan pelajar-pelajar PPT?

Semangat berdaya saing dikalangan pelajar PPT sangat tinggi dapat dibuktikan apabila melihat rakan2 PPT saya kini menjadi orang hebat di organisasi / jabatan kerajaan.

Bagaimana kehidupan sosial anda dengan rakan-rakan sewaktu berada di PPT?

Banyak aktiviti yang dianjurkan oleh fakulti dan kolej yang sangat menarik. Kami berpeluang untuk mengenali pelajar dari kos2 lain apabila menyertai aktiviti berikut.

Bagaimana PPT telah membantu anda dalam mencapai matlamat kerjaya yang dingini?

PPT mambantu saya mnguasai asas sains terutamanya kimia yang kini menjadi subjek yang saya ajari pada pelajar saya.

Selaku alumni PPT, boleh anda kongsi kata-kata semangat dan nasihat untuk pelajar PPT semasa?

Kepada adik2 pra diploma uitm..yakinlahhh..inilah permulaan adik2 smua sebelum keperingkat yg lebih tinggi dan professional.. dimana kita bermula itu tidak penting tetapi dimana kita berakhir itu lebih penting.Tuntutlah ilmu. Di saat kamu miskin, ia akan menjadi hartamu. Di saat kamu kaya, ia akan menjadi perhiasanmu.

Apa harapan untuk PPT untuk terus berjaya dalam membimbing generasi anak muda dimasa akan datang dalam pengajian tinggi?

Semoga PPT terus maju dan dikenali serta mendapat mencapai visi untuk menjadi sebagai laluan istimewa untuk pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang memperolehi keputusan SPM yang kurang menepati syarat-syarat keperluan UPU tidak kira samada mereka dari golongan B40 atau pun bukan B40 agar kesemua mereka dapat meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dan terlahir graduan yang berdaya saing, global dan beretika.

KARYA KREATIF

PENDIDIKAN SEBAGAI JALAN KELUAR KEPADA KEMUNDURAN

Rudza Hanim Mohamed Anuar
hanim146@uitm.edu.my

Pendidikan merupakan elemen utama dalam pembangunan sesebuah negara. Tiga faktor penting yang mendorong kepada pembangunan sistem pendidikan ialah nasionalisme, demokrasi dan perindustrian. Sebelum tahun 1850, kadar buta huruf masih tinggi di negara-negara industri dan keadaan ini lebih teruk di kawasan Asia dan Afrika. Situasi ini berubah selepas tahun 1850 apabila pendidikan umum mula dibangunkan di negara-negara perindustrian dengan kemudahan seperti sekolah. Literasi yang tinggi menjadikan rakyat lebih berpengetahuan dan mempunyai status yang tinggi dalam soal moral dan politik. Keciciran dalam ekonomi juga berjaya diatasi melalui sistem pendidikan dan kadar buta huruf dapat dikurangkan. Bagi orang Melayu, pendidikan secara tidak formal berkembang bersama-sama dengan penyebaran agama Islam di Tanah Melayu serta Kepulauan Melayu pada abad ke 14. Pendidikan berorientasikan agama Islam ini diwarisi daripada pedagang-pedagang Arab dan India beragama Islam yang datang mengembangkan ajaran Islam di Asia Tenggara.

Apabila British menduduki Malaya, sistem pendidikan mula berubah dengan penumpuan diberikan kepada pendidikan berbentuk vernakular. Sekolah vernakular Melayu dan Inggeris di dalam pentadbiran British telah mewujudkan jurang yang ketara dari aspek keintelektualan dan struktur ekonomi. Di waktu itu, pelajar Melayu lulusan sekolah vernakular Melayu tidak banyak merubah nasib dan tahap ekonomi keluarga jika dibandingkan dengan mereka yang lulusan sekolah vernakular Inggeris. Kebanyakan mereka masih hidup di dalam kemiskinan di kawasan pedalaman dan meneruskan tradisi cara hidup ibu bapa mereka sebagai petani dan nelayan.

UiTM merupakan sebuah universiti awam yang menggunakan pengantar Bahasa Inggeris di dalam pembelajaran. Sejarah memberitahu kita bahawa anak Melayu tidak mendapat pendidikan Inggeris di era kolonial bagi menjadikan mereka terus kekal dalam komuniti mereka dan tidak mampu bersaing dengan kaum lain. Senario berbeza pada hari ini apabila anak-anak Melayu yang majoritinya berasal dari luar bandar diberikan peluang pendidikan di UiTM. Mereka membuktikan bahawa Bahasa Inggeris bukanlah halangan untuk mencapai kejayaan di peringkat dunia. Beberapa pencapaian yang membanggakan membuktikan tesis Melayu adalah satu kaum yang lemah dan tidak mampu menguasai Bahasa Inggeris oleh kolonial satu ketika dahulu adalah ditolak.

Walaupun British telah meninggalkan Malaya lebih beberapa dekad, namun kepentingan pendidikan dalam Bahasa Inggeris masih kekal dan relevan dalam dunia semasa. Di kebanyakan negara dunia, Bahasa Inggeris bukanlah bahasa rasmi yang menghubungkan masyarakat setempat tetapi ia adalah simbol kuasa bahasa dunia yang menjadi penghubung mobiliti sosial dan intelektual di peringkat antarabangsa. Pembelajaran dalam Bahasa Inggeris adalah bertujuan untuk memberi pelajar pengetahuan yang luas dan kepakaran dalam sesuatu subjek akademik selain mempersiapkan pelajar dengan nilai kepimpinan di peringkat komuniti antarabangsa.

PENDIDIKAN SEBAGAI JALAN KELUAR KEPADA KEMUNDURAN

Antara pencapaian yang mengharumkan nama UiTM ialah apabila Pasukan debat Bahasa Inggeris UiTM berjaya memenangi tempat pertama dalam kategori Open Cambridge Debating Championship Intervarsity pada tahun 2015. Kejayaan ini meletakkan UiTM sebagai universiti pertama di Malaysia dan Asia yang memenangi kategori tersebut. Pada tahun 2016, UiTM terus melakar sejarah apabila berjaya menempatkan diri sebagai finalis kategori Cambridge Debating Championship Intervarsity dan suku akhir dalam pertandingan Oxford IV Debating Competition. Selain itu, UiTM juga muncul sebagai pasukan kedua terbaik dunia dalam World University Debating Championship (WUDC) edisi 2016 di Thessaloniki, Greece dan peringkat akhir United Asian Debating Championship (UADC) 2016 di Bangkok.

Kejayaan-kejayaan ini membuktikan bahawa anak-anak Melayu lebih berjaya sekiranya mereka diberikan peluang untuk bersaing diatas platform yang sama.

KARYA KREATIF

ENGKAU YANG PERNAH JATUH

Siti Zarikh Sofiah binti Abu Bakar, Roha Mohamed Noah
*Siti Zarikh Sofiah Abu Bakar: (sitiz148@uitm.edu.my)

Kau Yang Pernah Jatuh...
Langkah yang dulu banyak simpangnya,
Ditakdir engkau tersalah beloknya
Namun jangan mengeluh sahaja
Terbentang luas pintu kedua

Pintu yang tak pernah engkau jangka
Mampu mengubah nasib keluarga
Pantang berundur sebelum mencuba
Buktikan engkau bukan sia-sia

Langkah yang baru harus sekata
Walau beralun tetap setia
Menjunjung tinggi harapan ibunda
Tidaklah mahu mengundang kecewa

Permulaan baru ranjaunya berliku
Dibual manusia engkau membisu
Jangan kau lawan arus yang beku
Pasti kau undang hemat beribu

Yang kau cari dulu...
Bukan untukmu
Yang lebih baik sedang menunggu
Terus sedia lapang dadamu!

ENGKAU YANG PERNAH JATUH

KARYA KREATIF

TERIMA KASIH PENDIDIKKU

Roha binti Mohamed Noah
 roham994@uitm.edu.my
 Siti Zarikh Sofiah binti Abu Bakar
 sitiz148@uitm.edu.my

Ku coret sebuah memori
 Tentang diri seorang pendidik
 Tentang apa yang membuatku rasa
 Bersyukur atas semua ini
 Takkan habis bercerita
 Untuk mengenang pengorbananmu
 Terasa amat panjang puisi
 Untuk mengungkap rasa ini

Terima kasih kami ucapkan
 Atas segala jasa dan budi yang kau hadiahkan
 Kerana telah kau korbakan
 Sisa hidupmu berbakti mencurahkan ilmu didada
 Berakhir sudah baktimu
 Kini sampai masa engkau melabuhkan tirai
 Namun jika mengingati
 Kami setia menantikanmu

TERIMA KASIH

PENDIDIKKU

Terima kasih kami ucapkan
 Atas segala jasa dan budi yang kau hadiahkan
 Kerana telah kau korbakan
 Sisa hidupmu berbakti mencurahkan ilmu
 Patah tumbuh hilang berganti
 Namun tidak sama sepertimu
 Mampukah mencipta lebih indah dari
 Yang ku miliki saat ini
 Akan selalu di dalam sanubari
 Semua memori yang terpahat
 Tetap segak raut wajahmu
 Walau akan ke lapangan baru

Pendidikku...
 Pabila hari berganti
 Sampai waktu terhenti
 Walau jauh di hati
 Kami setia di sini

Terima kasih kami ucapkan
 Atas segala jasa dan budi yang kau berikan
 Kerana telah kau korbakan
 Sisa hidupmu berbakti mencurahkan ilmu didada

KARYA KREATIF

PANTUN : ILMU DAN AMAL

Leylawati Joremi
leylawati@uitm.edu.my

Mengail ikan di tepi kuala
Masak lemak untuk hidangan
Timba ilmu sematkan di dada
Insya Allah, tidak sesat haluan

Ayam tambatan jalan mendada
Lagak pahlawan berani dan gagah
Menimba ilmu akhirat dan dunia
Sebagai asas pengukuhan jiwa dan maruah

Makyong, inang, zapin dan seloka
Lemah gemalai tarian Melayu
Terbela harga diri dan maruah bangsa
Jika tiada istilah jemu menuntut ilmu

Ilmu ditimba, ditinggal jangan
Kelak hilang ditelan zaman
Para bijaksana sering berpesan
Seorang insan itu dalam kerugian
Jika ilmu yang dituntut terbiar tanpa diamalkan



ILMU &



AMAL

KARYA KREATIF

FORMULA SILINDER ISIPADU AIR WUDUK

Mahasin binti Saja@Mearaj, Siti Noor Ain binti Aziz, Masyfu'ah binti Mokhtar & Hirman Maswan bin Ibrahim
 Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Jalan Universiti Off KM.12 Jalan Muar, Universiti Teknologi MARA
 85000 Segamat, Malaysia
 Fakulti Sains dan Matematik, Jalan Universiti Off KM.12 Jalan Muar, Universiti Teknologi MARA
 85000 Segamat, Malaysia
 Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Jementah, KM. 20 Jalan Muar,
 85200 Segamat, Malaysia

Secara am nya ilmu ibadah dalam Islam perlu dipelajari dengan kaedah berguru atau bertalaqqi. Walaupun dalam keadaan pengajaran dan pembelajaran atas talian, ilmu yang dipelajari perlu diajarkan dengan kaedah bersemuka dan audio menarik. Bersemuka (face to face) dapat diterangkan melalui google meet atau facebook life dan sebagainya.

Dalam keadaan dunia maju ke hadapan Islam tidak wajar ketinggalan. Lebih-lebih lagi pembelajaran ini melibatkan ibadah seharian yang memerlukan pemahaman yang baik dan jelas. Guru perlu membimbing pelajar agar penyerapan ilmu sepanjang hayat dapat diaplikasikan.



PENDAHULUAN

Wuduk ialah elok dan berseri. Manakala dari aspek syarak, wuduk adalah pernbuatan menggunakan air paa anggota-anggota tertentu berserta niat. Fardu wuduk niat, membasuh seluruh muka, membasuh ke dua tangan hingga ke siku, menyapu sebahagian kepala, membasuh ke dua-dua kaki hingga buku lali dan tertib. Firman Allah SWT bermaksud: "Hai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan solat, maka basuhlah muka dan tanganmu hingga ke siku, dan sapulah kepalamu dan (basuh) kakimu hingga buku lali, dan jika kamu junub maka mandilah, dan jika kamu sakit atau dalam perjalanan atau kembali dari tempat buang air (kakus) atau menyentuh perempuan, lalu kamu tidak memperoleh air, maka bertayammumlah dengan tanah yang baik (bersih); sapulah mukamu dan tanganmu dengan tanah itu. Allah tidak hendak menyulitkan kamu, tetapi Dia hendak membersihkan kamu dan menyempurnakan nikmat-Nya bagimu, supaya kamu bersyukur." (al-Maidah:6)

KARYA KREATIF

FORMULA SILINDER ISIPADU AIR WUDUK

Kebiasaannya ketiadaan air atau sakit dapat mengganggu ibadah khususnya solat wajib. Dengan kemudahan isipadu air yang sedikit dalam masa 1 minit 30 saat. Kaedah ini juga dapat mengajar pelajar semasa musim pandemik covid-19 dengan cara menarik agar minat pelajar untuk mempelajari ilmu terus meningkat. Ibadah dalam islam tidak dapat diajarkan melalui teori semata-mata dan perlu diajarkan dengan kaedah praktikal atau amalai agar pelajar dapat difahami dengan baik. Basuhan air tertumpu anggota wuduk yang wajib. Tambahan juga pelajaran ini dapat diaplikasikan palajar sepanjang hayat.

Bagi mengira isipadu air yang digunakan untuk berwudhuk, ketinggian air sebelum berwudhuk dan ketinggian air selepas berwudhuk dalam bekas air (berbentuk silinder) yang digunakan serta radius bulatan permukaan bekas air tersebut perlu diukur menggunakan kayu pembaris dan dicatatkan nilainya.

Isipadu air yang digunakan untuk berwudhu boleh dikira menggunakan formula berikut:

$$I_w = \pi r^2 \times (h_b - h_a)$$

di mana hasilnya adalah melalui;

I_w = Jumlah isipadu air yang digunakan untuk berwudhuk

r = radius bulatan permukaan bekas silinder

h_b = ketinggian air sebelum berwudhuk

h_a = ketinggian air selepas berwudhuk

Melalui amali wudhuk yang telah dijalankan hanya lebih kurang sebanyak 71ml air sahaja yang telah digunakan untuk berwudhuk. Data yang diperolehi adalah seperti berikut:

Unit	Nilai
r = radius bulatan permukaan bekas silinder	3 cm
h_b = ketinggian air sebelum berwudhuk	7 cm
h_a = ketinggian air selepas berwudhuk	4.5 cm
I_w = Jumlah isipadu air yang digunakan untuk berwudh	$I_w = \pi \times r^2 \times (h_b - h_a)$ $= \pi \times (3)^2 \times (7 - 4.5)$ $= 70.69 \text{ cm}^3$ $\approx 71 \text{ ml}$

KARYA KREATIF

FORMULA SILINDER ISIPADU AIR WUDUK

Sekiranya orang awam berada di dalam keadaan darurat yang mana kemudahan air yang sangat terhad, maka sebotol air mineral biasa yang berisipadu 500ml sangat mencukupi untuk digunakan bagi keperluan ibadah solat seharian (5 kali berwudhuk). Pengiraan adalah seperti berikut:

Jumlah air yang digunakan untuk 1 kali berwudhuk	71 ml
Jumlah air yang digunakan untuk 5 kali berwudhuk	71 ml x 5 kali = 355 ml



Menerusi pengiraan mudah seperti yang ditunjukkan di atas, orang awam atau para pelajar dapat membuat anggaran jumlah botol mineral yang diperlukan bagi kegunaan masing-masing sekiranya berada dalam situasi yang terhad sumber airnya walau di mana berada.

Pejabat Pra Pendidikan Tinggi (PPT) merupakan jabatan yang mempunyai tanggungjawab sosial (Corporate Social Responsibility) untuk menguruskan pengambilan pelajar di peringkat Pra Diploma UiTM. Program PPT merupakan laluan khas kepada para pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang tidak memenuhi syarat asas untuk meneruskan pengajian di universiti awam untuk meneruskan pengajian di UiTM. Setelah tamat menjalani program pra, para pelajar ini akan diserapkan ke pengajian di peringkat Diploma di beberapa Fakulti di UiTM mengikut pilihan mereka. Calon-calon pelajar bagi program PPT adalah mereka yang terdiri daripada anak Melayu, anak Negeri Sarawak, anak negeri Sabah, anak Orang Asli dan Atlet.

MAKLUMAT LANJUT:

Sidang Editor
Pejabat Program Pra Pendidikan Tinggi (PPT)
Kompleks Antarabangsa
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.



+603 5521 1443 /1448 / 1449



<https://pppt.uitm.edu.my>



+603 5543 7969



PPT UiTM Pejabat Pengarah



pppt@uitm.edu.my